

16 OCT 2003

Abdullah-Akhbar/I

ABDULLAH MILIKI IMEJ PEMIMPIN ISLAM SEBENAR

Oleh: Salmy Hashim

WASHINGTON, 16 Okt (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad selaku cendekiawan Islam disegani, adalah seorang tokoh yang memiliki ciri kepimpinan yang berbeza sepenuhnya dengan golongan fundamentalis yang menganjurkan kebencian dan keganasan, kata Duta Malaysia ke Amerika Syarikat, Datuk Ghazzali Sheikh Abdul Khalid.

Dalam surat kepada Editor Washington Times, Ghazzali menyangkal satu rencana yang menyifatkan Abdullah sebagai "seorang bekas pelajar pengajian Islam dan ahli politik yang membosankan," yang menimbulkan keadaan tidak menentu.

"Keadaan tidak menentu itu sebenarnya dimiliki oleh penulis rencana berkenaan. Jika mereka mengikuti dengan teliti sejak dua dekad lepas, mereka akan tahu bahawa Abdullah memiliki semua pengalaman (yang diperlukan) untuk menduduki jawatan paling atas, setelah berkhidmat sebagai menteri luar, menteri pendidikan dan kini sebagai menteri dalam negeri dan timbalan perdana menteri," kata Ghazzali.

Abdullah yang dikenali sebagai "Mr Clean" kerana kejujuran, integriti dan sikapnya yang tidak pernah bertolak ansur terhadap rasuah, dijangka menerajui parti yang memerintah Malaysia sekarang dalam menghadapi pilihan raya umum akan datang, katanya dalam suratnya yang disiarkan pada Selasa.

"Apa yang pasti ialah sekiranya Abdullah berjaya menerajui partinya mencapai kemenangan dan kekal sebagai perdana menteri, beliau tidak perlu bergantung kepada perdana menteri sebelumnya," kata Ghazzali sambil menambah bahawa ini kerana Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan melepaskan jawatannya.

Rencana berkenaan yang bertajuk "Can Malaysia Cope Without Mahathir - Autocrat to retire after 22 years," (Mampukah Malaysia Bertahan Tanpa Mahathir - Autokrat yang akan bersara selepas 22 tahun memegang jawatan) mempersoalkan kebolehan Abdullah memandangkan Dr Mahathir tidak mahu memainkan peranan istimewa dalam kerajaan dengan memegang jawatan "menteri kanan" seperti Lee Kuan Yew dari Singapura.

Ghazzali membalas dengan berkata: "Adakah seorang autokrat akan berkelakuan begitu?"

-- BERNAMA

SH AHH SP MAI